

Mesej Empat

Dicantumkan ke dalam Kristus untuk Menjadi Sebahagian daripada Pohon Hayat

Bacaan Bible: Kej. 2:9; 1 Kor. 6:17; Roma 11:17, 24; Yoh. 15:1, 4-5

- I. Bible mewahikan bahawa hubungan Tuhan dengan manusia yang dihasratkan-Nya ialah Dia dan manusia menjadi satu—1 Kor. 6:17:**
- A. Setiap kali kita datang kepada Bible, kita perlu melatih satu prinsip—Tuhan berhasrat untuk menjadi satu dengan umat pilihan-Nya—Yoh. 14:20.
 - B. Tujuan utama Tuhan ialah menjadikan diri-Nya satu dengan manusia dan menjadikan manusia satu dengan-Nya—Ef. 4:4-6.
 - C. Tuhan berhasrat agar hayat divin dan hayat manusia digabungkan menjadi satu hayat.
 - D. Garis utama ekonomi Tuhan ialah menjadikan Tuhan dan manusia, manusia dan Tuhan, satu entiti, dengan kedua-duanya mempunyai satu kehidupan melalui satu hayat dengan satu sifat—Wahi 22:17.
 - E. Dalam inkarnasi-Nya, Kristus membawa Tuhan ke dalam manusia, dan dalam kebangkitan-Nya Dia membawa manusia ke dalam Tuhan; melalui ini, Dia menyempurnakan pembauran Tuhan dan manusia menjadi satu—Roma 8:3; 1:3-4:
 - 1. Kita berada dalam Kristus, dan Dia berada dalam kita; Dia dan kita menjadi satu persona—1 Kor. 12:12.
 - 2. Kristus menjadi kita, dan kita menjadi Dia—Ibr. 2:14, 11.
- II. Hubungan Tuhan dengan manusia yang dihasratkan-Nya ialah Dia dan manusia dicantum bersama dan dengan itu menjadi satu dalam penyatuan organik—Roma 6:3-5; Yoh. 15:4-5:**
- A. Hayat pencantuman bukan hayat yang bertukar ganti, tetapi merupakan pembauran hayat manusia dengan hayat divin—1 Kor. 6:17.
 - B. Dalam pencantuman, dua hayat yang serupa digabungkan kemudian bertumbuh bersama secara organik—Roma 11:24:
 - 1. Oleh sebab hayat insani kita dijadikan menurut imej Tuhan dan mengikut rupa Tuhan, hayat ini dapat digabungkan dengan hayat divin—Kej. 1:26.
 - 2. Hayat insani kita mirip dengan hayat divin; oleh itu, hayat divin dan hayat insani dapat dicantum bersama dan hidup bersama.
 - C. Untuk kita dicantumkan ke dalam Kristus, Dia perlu melalui proses inkarnasi, penyaliban, dan kebangkitan untuk menjadi Roh beri-hayat—Yoh. 1:14; 1 Kor. 2:2; 15:45.
 - D. Kita telah dicantumkan ke dalam Kristus yang merupakan pohon hayat, dan pencantuman ini menjadikan kita satu dengan-Nya—Roma 11:24:
 - 1. Kristus dan percayawan ialah satu pohon; Dia ialah pohon anggur dan kita ialah ranting-ranting—Yoh. 15:1, 5a, 4a.
 - 2. Kristus menjadi hayat, sifat, dan persona kita—Kol. 3:4, 10-11; Ef. 3:17a.
 - E. Sebagai orang yang dilahirkan, yang telah dicantumkan ke dalam Kristus, kita harus menjalani kehidupan pencantuman; dalam kehidupan ini, kedua-dua pihak digabungkan agar bertumbuh secara organik:
 - 1. Memandangkan kita telah dicantumkan ke dalam Kristus, kita tidak harus lagi hidup melalui diri kita; sebaliknya, kita harus membenarkan Kristus pneumatik hidup dalam kita—Gal. 2:20.
 - 2. Kita tidak harus lagi hidup melalui tubuh daging atau diri alamiah kita; sebaliknya, kita harus menjalani kehidupan pencantuman melalui roh pembauran—Roh divin berbaur dengan roh insani yang dilahirkan—1 Kor. 6:17; Roma 8:4.

- F. Dalam hayat pencantuman, hayat manusia tidak disingkirkan tetapi diperkuat, dipertinggi, dan diperkaya oleh hayat divin—Gal. 2:20; 4:19; Ef. 3:16-17a:
1. Dalam hayat pencantuman, ranting-ranting mengekalkan ciri esensial yang sama namun telah diperkuat, dipertinggi, dan ditransform dengan dicantum ke dalam hayat yang lebih tinggi—Yoh. 15:4-5; Roma 11:17.
 2. Dalam hayat pencantuman, hayat divin bekerja dalam kita untuk menyingkirkan elemen negatif:
 - a. Hayat divin bekerja secara beransur-ansur untuk menyingkirkan apa-apa sahaja yang alamiah.
 - b. Hayat divin menelan kecacatan dan kelemahan kita.
 - c. Elemen negatif disposisi kita dibunuh; kemudian Tuan mempertinggi dan menggunakan disposisi kita, bukan membuangnya.
 3. Dalam hayat pencantuman, hayat divin membangkitkan ciptaan asal Tuhan dan mempertinggi fakulti kita—Yoh. 11:25; Ef. 4:23:
 - a. Ketika hayat divin menyingkirkan hal negatif, hayat divin bekerja dengan membangkitkan ciptaan asal Tuhan.
 - b. Dengan cara ini, fungsi asal kita—fungsi yang diberi kepada kita semasa penciptaan—dipulihkan, diperkuat, dan dipertinggi—Gal. 2:20.
 4. Dalam hayat pencantuman, hayat divin membekalkan kekayaan Kristus ke dalam bahagian dalaman kita dan menepui seluruh diri kita—Roma 12:2; 8:29-30.

III. Kristus sebagai pohon hayat ialah perjasadan Tuhan untuk menjadi hayat kita, dan dengan dicantumkan ke dalam Kristus, kita disatukan dengan-Nya secara organik; dengan itu, kita ialah sebahagian daripada pohon hayat—Kol. 2:9; Yoh. 15:1, 4-5:

- A. Kita bukan hanya makan Kristus sebagai pohon hayat—kita juga disatukan dengan-Nya dan menjadi sebahagian daripada-Nya—1 Kor. 6:17.
- B. Pohon hayat adalah untuk mendispenkan hayat divin ke dalam kita; apabila kita, iaitu ranting-ranting, tinggal dalam pohon anggur, kita menerima pendispenan hayat daripada pohon hayat, dan hidup sebagai sebahagian daripada pohon hayat—Yoh. 15:5; Roma 8:2, 10, 6, 11; bd. Flp. 4:13.
- C. Kristus sebagai pohon hayat adalah untuk ekonomi divin bagi mendispenkan diri-Nya ke dalam kita; sebagai ranting-ranting pohon anggur, kita tinggal dalam-Nya dan Dia tinggal dalam kita.
- D. Apabila kita tinggal dalam pohon anggur, terdapatnya pendispenan Tuhan ke dalam kita, yakni pendispenan hayat daripada pohon hayat ke dalam ranting-ranting; pendispenan ini menjadikan kita Tuhan-manusia—Roma 8:10, 6, 11.
- E. Tinggal dalam Kristus sebagai pohon anggur bererti mengambil Dia sebagai tempat huni kita; inilah pengalaman yang paling tinggi dan paling penuh terhadap Tuhan; tinggal dalam Kristus bererti menjalani kehidupan dalam Kristus, mengambil Dia sebagai segala-gala bagi kita—Mzm. 90:1; 91:1, 9.
- F. Jika kita hidup sebagai sebahagian daripada pohon hayat, kita tidak akan memberi perhatian kepada baik dan jahat tetapi memberi perhatian kepada hayat, dan kita akan mentamyizkan hal bukan menurut betul dan salah, tetapi menurut hayat dan maut—Kej. 2:9, 16-17; 2 Kor. 11:3.